

4.2.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PENGGUNAAN AIR PULAU PINANG BERKURANG KIRA-KIRA 5 JUTA LITER SEHARI (JLH) PADA TAHUN 2024

- Pengurangan marginal daripada purata 877 JLH pada tahun 2023 kepada 872 JLH pada tahun 2024.
- Penggunaan domestik berkurang sebanyak 6.4% daripada 503 JLH pada 2023 kepada 471 JLH pada tahun 2024.
- Penggunaan Bukan Domestik dan Lain-lain meningkat sebanyak 7.2% daripada 374 JLH pada 2023 kepada 401 JLH pada tahun 2024.

PULAU PINANG, Selasa, 4.2.2025: Penggunaan air di Pulau Pinang berkurang pada purata kira-kira 0.6% atau 5 juta liter sehari (JLH) pada 2024 berbanding 2023.

Walaupun peratusannya kelihatan rendah, 5 JLH ialah isipadu air yang mungkin mengisi lebih daripada 3.33 juta botol air minuman besar (1.5L) setiap hari.

Lebih-lebih lagi, pengurangan sebenar berjumlah lebih daripada 1.8 juta m³ dalam setahun.

Penggunaan Domestik

Penggunaan domestik di Pulau Pinang merujuk kepada penggunaan oleh isi rumah dengan meter individu. Penggunaan air domestik turun sebanyak kira-kira 6.4%, daripada 503 JLH pada 2023 kepada 471 JLH pada 2024.

Penggunaan Bukan Domestik dan lain-lain

Penggunaan bukan domestik merujuk kepada penggunaan dalam jenis premis berikut: komersil, perindustrian, perdagangan, perniagaan dan premis kerajaan; sekolah dan institusi pengajian tinggi; hospital, perniagaan pemprosesan air (termasuk kiosk air), estet dan ladang.

Penggunaan lain-lain merujuk kepada penggunaan oleh meter pukal domestik, institusi keagamaan & kebajikan dan perkapalan yang diluluskan.

Penggunaan bukan domestik dan penggunaan lain meningkat kira-kira 7.2%, daripada 374 JLH pada 2023 kepada 401 JLH pada tahun 2024, tahun ke tahun,

Jumlah pengguna

Jumlah pengguna air berdaftar yang diberi khidmat oleh PBAPP di Pulau Pinang meningkat sebanyak 15,742, daripada 689,786 pengguna pada 2023 kepada 705,528 pengguna pada 2024.

Data PBAPP menunjukkan terdapat peningkatan dalam bilangan pengguna dalam setiap kategori penggunaan:

- Pengguna air domestik meningkat sebanyak 11,721, daripada 593,255 pengguna domestik pada 2023 kepada 604,976 pengguna domestik pada 2024.
- Pengguna air bukan domestik di Pulau Pinang meningkat sebanyak 2,246 pengguna, daripada 94,198 pengguna bukan domestik pada 2023 kepada 96,444 pengguna bukan domestik pada 2024.
- Bilangan pengguna domestik pukal, agama & kebajikan serta pengguna perkapalan meningkat sebanyak 1,775 pengguna, daripada 2,333 pengguna pada 2023 kepada 4,108 pengguna pada 2024.

Analisis Data

Data menunjukkan kesimpulan berikut:

1. Pada 2024, **penggunaan air domestik menyumbang kira-kira 54% daripada jumlah penggunaan air di Pulau Pinang**. Ini bermakna isi rumah Pulau Pinang terus menggunakan lebih banyak air daripada gabungan kesemua premis perniagaan, komersial dan kerajaan di negeri ini.
2. **Lebih ramai pengguna domestik mengurangkan penggunaan air pada 2024** berbanding 2023, walaupun penduduk Pulau Pinang dan bilangan pengguna domestik meningkat tahun ke tahun.

Ini berkemungkinan sebagai tindak balas kepada semakan kadar domestik 2.1.2024, peningkatan kesedaran tentang status tekanan air Pulau Pinang dan kempen penjimatkan air domestik "Kurangkan 10%" PBAPP pada tahun 2024.

Dapatan ini disokong oleh statistik penggunaan domestik per kapita sebanyak 261 liter/kapita/hari (LKH) pada 2024 berbanding 284 LKH pada 2023.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

3. Penggunaan bukan domestik (termasuk penggunaan oleh pukal domestik, institusi keagamaan & amal serta pengguna perkapalan) meningkat tahun ke tahun, bersamaan dengan peningkatan dalam bilangan pengguna.

Peningkatan dalam penggunaan bukan domestik boleh dianggap sebagai salah satu petunjuk utama pertumbuhan sosioekonomi yang berterusan di Pulau Pinang dan kerancakan ekonomi negeri.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Lampiran A:

Penggunaan Air Pulau Pinang 2024 (mengikut kategori)

Jumlah: 872 JLH

